

Headline	Bekas wartawan kayuh basikal ke Mekah		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	24 Nov 2023	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	107,609
Page No	10	Readership	322,827
Language	Malay	ArticleSize	372 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 15,270
Frequency	Daily	PR Value	RM 45,811



Bekas wartawan kayuh basikal ke Mekah

KUALA LUMPUR: Bekas wartawan *Utusan Malaysia* yang pernah berkhidmat bersama Kumpulan Utusan di cawangan Kedah sejak 1982, Che Saad Nordin, 73, mengetuai misi ekspedisi Kembara Berbasikal ke Mekah, bersama tiga individu lain, bermula hari ini.

Che Saad berkata, beliau mengambil keputusan berani tersebut kerana yakin dengan kudrat dan kesihatannya mampu merealisasikan perjalanan sejauh 12,000 kilometer (km) merentas tujuh negara ke tanah suci.

Berbekalkan pengalaman mengayuh basikal mengelilingi negara sebanyak 22 kali, dia yakin matlamat itu mampu dicapai selepas membuat persediaan rapi termasuk berhubung dengan setiap Kedutaan Malaysia di luar negara, permohonan visa, penginapan, insurans dan kelengkapan alat ganti basikal.

"Apabila kayuh basikal ini kita akan tidur di merata-rata tempat termasuk di masjid, berkhemah atau di hotel. Matlamat kita untuk sampai ke destinasi yang dituju di Mekah.

"Kalau dahulu pernah naik kapal terbang ke Mekah, kali ini saya akan mengayuh basikal pula," katanya ketika acara pelepasan peserta kayuhan di Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) di Kepong, di sini, se-



ABDUL Halim Talha (kanan), Che Saad Nordin (dua kanan), Noradilah Mohd Shafie (dua kiri) dan Ahmad Mohd. Isa semasa acara pelepasan Kembara Berbasikal Ke Mekah di Kepong, semalam. - UTUSAN/SYAKIR RADIN

malam.

Misi tersebut turut disertai oleh staf FRIM, Abdul Halim Talha, 56, serta pasangan suami isteri, Ahmad Mohd Isa, 35 dan Noradilah Mohd Shafie, 36.

Pada masa sama, Che Saad yang kali terakhir berkhidmat sebagai wartawan di Pertubuhan Berita Nasional Malaysia (Bernama) berkata, dia reda dengan sebarang ketentuan sepanjang

menyertai kayuhan tersebut.

"Kalau ditakdirkan usia saya hanya sampai di situ (sebuah negara), di situlah saya mahu dikebumikan.

"Walaupun saya sudah beli insurans yang akan menanggung kos bawa pulang jenazah ke negara asal, tetapi saya tidak mahu dan tawakal dalam perjalanan ini. Itu matlamat saya. Kalau panjang umur, saya akan pulang ke Malay-

sia seperti biasa," ujarnya.

Misi yang dirancang sejak 2019 itu akan meredah perjalanan ke Thailand, India, Pakistan, Iran, Emiriah Arab Bersatu (UAE) dan Arab Saudi. Tanpa tajaan mana-mana pihak, semua peserta kayuhan itu menggunakan wang tabungan dan simpanan sendiri bagi merealisasikan misi yang dijangka tiba di Arab Saudi pada pertengahan Mei, tahun depan.